



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PAHANG  
Tingkat 1, Wisma Persekutuan  
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR  
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000  
Faks : 609-516 4931  
Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

**SURAT PERINGATAN PERTAMA**

**Senarai Edaran  
(Seperti di Lampiran A)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN**

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada **para 2.4.4 Lampiran F: Semakan dan Pengesahan Laporan dalam Persekutuan Elektronik Sepenuhnya (Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019)**, PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam pelaporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki Terimaan dan mengemukakan kepada JANM Pahang selewat-lewatnya **pada 14 haribulan bulan berikutnya**.
3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Terimaan sehingga bulan April 2022 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan bagi Jabatan-jabatan dibawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan April 2022**.
4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Terimaan kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.
5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiri)**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:

- |   |            |
|---|------------|
| i) Puan Nur Nizaha binti Khalid         | 09-5915029 |
| ii) Puan Puteri Zanariah binti M Zawawi | 09-5915022 |

Sekian terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(BURHANUDIN BIN MOHD NOOR (C.A.M))**

Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pahang